

# 'Pak belalai' payungi haiwan lain

## Najis jadi baja tumbuhan hutan, bantu hidupan liar lain dapatkan makanan

**Oleh Hazsyah Abdul Rahman**
bhnews@bh.com.my

**Gajah** memerlukan ruang luas untuk bergerak, ada kalanya berkeliaran di luar kawasan habitatnya mencari air dan makanan, selain menjadi 'spesies payung' kepada haiwan lain untuk terus hidup.

Namun, penerokaan hutan untuk pertanian, pemburu haram, pembalakan, pembukaan tanah dan pembinaan infrastruktur berskala besar bagi pelbagai tujuan bukan sahaja mengurangkan habitat gajah, malah turut mengacau 'keamanan' dunianya.

Penebangan hutan mengganggu laluan tradisi gajah ini, lantas membuatkan 'pak belalai' ini mengamuk.

Walau apa juga situasi, spesies hidupan liar ini amat penting kepada kerana ia menjadi warisan negara. Kini populasinya hanya di antara 1,220 hingga 1,680 ekor di tujuh negeri di Semenanjung.

Manakala 1,000 hingga 1,500 ekor di Kinabatangan, Tabin, Ulu Kelumpang, di Sabah menjadikan haiwan ini perlu terus dipulihara bagi mengelak pupus.

### Kepentingan gajah

Ketua Pengarah Jabatan Taman Negara dan Hidupan Liar Semenanjung Malaysia (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim, berkata gajah mempunyai kepentingannya yang tersendiri

Katanya, Pahang contohnya, menjadikan gading gajah sebagai lambang pada logo negeri dan banyak nama tempat lain di negara ini menggunakan nama gajah.

Malah, sudah tidak asing turut diabadikan namanya seperti Alor Gajah, Kampung Gajah, Kampung Gajah Mati, Batu Gajah dan sebagainya.

Spesies gajah juga dijadikan sebagai tarikan bagi aktiviti ekopelancongan seperti Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan di Lanchang, Pahang serta Kenyir Elephant Conservation Village (KECV), Hulu Terengganu, Terengganu.

Spesies gajah adalah mamalia daratan terbesar negara, secara tidak langsung memerlukan pemuliharaan habitat yang akan digunakan oleh spesies hidupan liar lain.

"Gajah adalah 'umbrella species' kehadirannya akan memberikan manfaat kepada spesies yang lain," katanya.

### Menyebarkan biji benih

Beliau berkata, gajah juga dikenali sebagai hidupan liar yang penting dalam penyebaran biji benih buah-buahan hutan apabila buah dimakan dan ditelan akan dikumuhkan kembali berserta biji benih tumbuhan itu.

Pergerakan gajah yang luas di dalam hutan akan menyebarkan biji benih ini di serata kawasan keliarannya.

*Lihat muka* 29



Pemburu haram bukan sahaja mengurangkan habitat gajah, malah turut mengacau 'keamanan' dunianya.

# Dikejar gajah semasa aktiviti konservasi

**Pernah** beberapa kali dikejar gajah, kaki terluka dan melecet disebabkan kulit kaki lembab gara-gara terlalu kerap menyeberangi sungai dan meredah hutan.

Selain perlu memikul beg sarat dengan makanan dan peralatan untuk sampai ke kawasan perkhemahan di hutan di Sandakan, Sabah, antara pengalaman biasa dilalui bagi pencinta haiwan liar.

Alah bisa tegal biasa. Itulah dilalui Pembantu Program Kanan (Konservasi Gajah) Tabung Hidupan Liar (WWF), dilupakan Engelbert Dausip, 46, sudah berkecimpung sejak lebih 20 tahun lalu melunaskan tugasan konservasi gajah.

"Bermacam-macam pengalaman dan cabaran dilalui. Inilah mengajar saya mengenai dunia gajah dan membuatkan saya mengetahui perilaku gajah serta langkah berwaspada," katanya.

**Berjalan sepanjang malam**

Antara cabaran di lapangan masih kekal dalam ingatan adalah beliau dan rakan berjalan di hutan sepanjang malam.

Namun, kerana minat dengan kerjaya itu, cabaran itu sedikit pun tidak meluntурkan semangatnya meneruskan tugasan berkenaan.

"Minat mendalam dalam aktiviti konservasi gajah ini mendorong saya untuk kekal dalam bidang ini.

"Banyak lagi perkara baru masih saya pelajari sehingga hari ini.

"Saya sedar, segala aktiviti yang kami dilakukan untuk membantu memelihara dan menyelamatkan spesies gajah ini," katanya.

**Gajah mati ditembak**

Katanya, gajah Borneo berhadapan dengan pelbagai ancaman berterusan disebabkan beberapa faktor.

"Ancaman lazim terhadap spesies ini disebabkan kegiatan pemburuan haram bertujuan mendapatkan gadingnya.

"Setengah gajah mati akibat tembakan dan keracunan sehingga menjadikan habitat haiwan itu terancam.

"Kami menjangkakan populasinya akan berkurangan dalam jangka masa panjang," katanya.



Engelbert berpengalaman 20 tahun laksanakan tugas konservasi gajah.

**Populasi gajah semakin kurang**

Berdasarkan pakar gajah di Sabah dianggarkan jumlah gajah di negeri itu kurang daripada 1,500 ekor.

Namun, katanya kajian berkaitan populasi gajah di hutan tropika sememangnya mencabar.

"Buat masa ini, maklumat mengenai populasi gajah di Sabah masih kurang dan dapat melihat 'trend' atau pola sama ada populasinya meningkat, menurun atau stabil.

Bagaimanapun, katanya tugasan menjaga gajah tetap diteruskan seperti biasa dengan pelbagai strategi.

**Pasang kolar satelit gajah**

Dalam melaksanakan konservasi pihaknya menggunakan kaedah dan strategi, antaranya memasang kolar satelit gajah.

Menerusinya dapat mengkaji pergerakan dan tingkah laku gajah dan menggunakan maklumat ini untuk kerja advokasi.

Mereka juga bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan, industri perladangan dan orang awam untuk mencari penyelesaian jangka panjang menggunakan pendekatan sistematik.

"Ini termasuk bekerjasama beberapa pihak untuk melaksanakan pemasangan pagar elektrik

"Dengan kerjasama beberapa pihak ladang kami mewujudkan koridor untuk laluan dan habitat gajah.

"Kami turut mengadakan program kesedaran dengan syarikat perladangan dan komuniti setempat bersama Jabatan Hidupan Liar Sabah," katanya.

**Kerjasama erat pelbagai pihak**

Mereka juga mengumpul dan menyalurkan maklumat daripada sumber tertentu dalam memerangi isu pemburuan haram bagi tujuan mendapatkan gading di Sabah.

"Maklumat berkenaan kemudiannya diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk tindakan lanjut.

"Kami bekerjasama dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah dan agensi penguatkuasaan undang-undang di Kalimantan Utara melalui pasukan petugas Jenayah Hidupan Liar Sempadan untuk membendung penyeludupan gading ke Kalimantan.

"Kami juga memperhebatkan kerjasama antara Malaysia, Indonesia dan Filipina untuk memudahkan perkongsian maklumat serta latihan berkaitan pemerdagangan hidupan liar," katanya.

**Cabaran ketika COVID-19**

Bertugas ketika pandemik COVID-19, Engelbert menjelaskan ia turut menjejaskan aktiviti sepanjang tempoh itu.

"Seperti sedia maklum kita berhadapan dengan pandemik dalam tempoh yang panjang.

"Ini menyukarkan kami untuk bertugas di lapangan kerana larangan pergerakan merentas daerah. Kebanyakan kawasan tumpuan kerja kami terletak di zon merah.

"Bagaimanapun, situasi ini kembali pulih secara berperingkat dan kini kami membuat aktiviti yang risikonya rendah contohnya mengumpul data mengenai demografi dan pemakanan gajah membabitkan pergaulan dengan orang ramai," katanya.

# Populasi gajah stabil

*Dari muka* 28

"Gajah juga memerlukan garam galian sebagai pelengkap (supplement) di dalam dietnya.

"Untuk mendapatkan garam galian itu gajah akan menggunakan gading dan kakinya yang kuat untuk mengorek tanah serta mewujudkan kawasan jenut (saltlick) juga akan digunakan oleh hidupan liar lain," katanya.



Abdul Kadir

**Buang najis 18 kali sehari**

Ketinggian gajah dan kekuatannya mendapatkan makanan akan membolehkan mematahkan dahan tinggi serta menumbangkan pokok buah-buahan hutan.

Malah, gajah memberikan faedah kepada hidupan liar kecil lain seperti kijang, pelanduk dan sebagainya untuk mendapatkan makanan itu.

Najis dikeluarkan gajah, iaitu sebanyak 17 hingga 18 kali sehari akan menjadi baja kepada tumbuh-tumbuhan hutan di sepanjang laluannya.

Justeru, pemuliharaan spesies gajah adalah usaha konservasi amat penting di negara ini kerana memulihara haiwan itu bermaksud juga memulihara spesies hidupan liar lain.

Situasi terkini populasi gajah di negara ini stabil di kawasan habitat.

Dengan adanya kecanggihan telefon pintar dan kemajuan teknologi maklumat, banyak sebaran video atau gambar kumpulan gajah dibuat orang ramai terutama apabila menemui sekumpulan gajah sedang melintas jalan atau bergerak merentasi kawasan ladang.



Gajah memberikan faedah kepada hidupan liar lain untuk mendapatkan makanan.

Ini menggambarkan populasi gajah masih banyak walaupun perlu dibuktikan dengan kajian saintifik.

Kini, Perhilitan sedang mengumpulkan maklumat berkaitan bagi mengeluarkan anggaran populasi gajah.

**Kehilangan habitat dan ancaman**

Namun, kehilangan habitat adalah ancaman utama kepada gajah perlu diberi perhatian. Kajian pada 2016, mendapati 65 peratus habitat asal gajah hilang sejak 40 tahun lalu disebabkan pembangunan guna tanah.

"Keadaan ini menyebabkan kebanyakan habitat utama gajah hilang, antara lain pembukaan kawasan pertanian secara besar-besaran menyebabkan konflik manusia-gajah.

"Permintaan tinggi penggunaan gading untuk menaikkan status sosial dan industri berasaskan gading di negara jiran menyebabkan kegiatan pemburuan haram gajah masih berlaku," katanya.

Justeru, penguatkuasaan pemburuan haram berjaya menumpaskan sindiket terbabit terutama di Kelantan, Pahang dan Perak sejak sejak akhir-akhir ini.

Sepanjang 2017 hingga tahun lalu, sebanyak 12 kes tangkapan ke atas pemburu haram dan sindiket dengan 25 ditahan atas kesalahan itu.

Sebahagian kes didakwa dan dijatuhkan hukuman mahkamah manakala ada kes masih dalam siasatan.